

MRT agenda perkasa bumiputera

KUALA LUMPUR 4 Ogos - Pemberian projek Transit Aliran Massa (MRT) kepada kontraktor Melayu membuktikan kerajaan tidak pernah melupakan agenda memperkasakan bumiputera termasuk memberikan peluang kepada mereka untuk terlibat dalam projek berskala besar.

Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), Datuk Mokhtar Samad berkata, kerajaan memberikan projek MRT secara telus dengan mengadakan sistem tender terbuka sebelum mengenal pasti syarikat yang layak.

"Apabila syarikat bumiputera dipilih, ini membuktikan kerajaan mempercayai kemampuan mereka walaupun ada pihak yang beranggapan projek yang diberikan kepada kontraktor Melayu kurang memuaskan.

"Kejayaan projek MRT membuktikan tanggapan mereka salah kerana kontraktor bumiputera berjaya menjalankan tugas dengan baik," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berhubung kejayaan MRT terhasil daripada sistem tender yang telus dan 50 peratus kerja-kerja pelaksanaan yang diberikan kepada syarikat bumiputera berjaya disiapkan dengan baik.

Jelas Mokhtar, 45,000 kontraktor bumiputera bertauliah di negara ini memiliki lesen kontraktor kelas G1 sehingga G7 dan mereka berkemampuan menjalankan projek dengan sebaiknya.

"Kami bersyukur kerajaan memberikan peluang kepada kontraktor bumiputera untuk menjayakan projek besar negara. Dengan kejayaan MRT, mungkin selepas ini kerajaan boleh menawarkan projek lain antaranya Transit Aliran Ringan (LRT).

"Saya berharap kontraktor bumiputera sentiasa kreatif agar mampu menghasilkan sesuatu yang moden selari dengan kehendak pelanggan," katanya.

Tambahnya, mereka juga perlu memikirkan cara untuk memajukan diri termasuk bersaing secara sihat dengan kontraktor luar negara.